DR CHAN CHIN CHEUNG

lwn.

CHAN CHAK CHEUNG & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
YAACOB ISMAIL H
[GUAMAN NO: S5-22-267-2000]
22 JULAI 2003

PROSEDUR SIVIL: *Writ saman - Penyampaian luar bidang kuasa - Ketidakpatuhan dengan A. 6 k. 6(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Sama ada boleh diperbaiki - Sama ada permohonan terus menurut A. 11 k. 4 tanpa mengambil langkah seperti yang dikehendaki oleh A. 6 k. 6 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Arahan Amalan No. 2 Tahun 1982 satu kesilapan yang fatal*

PERWARISAN: *Pentadbiran pusaka - Permohonan untuk penyiasatan odit dibuat terhadap akaun-akaun - Simati tidak berdomisil di Malaysia semasa meninggal dunia - Hampir 90% harta pusaka tidak terletak di Malaysia - Sama ada tuntutan termasuk di dalam skop peruntukan A. 11 k. 1(1)(d) dan (e) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980*

Defendan-defendan, yang menetap di luar bidangkuasa mahkamah iaitu di Singapura, adalah merupakan wasi dan pemegang amanah kepada estet simati. Plaintif, salah seorang waris kepada estet simati, tidak berpuas hati dengan tindakan defendan-defendan di dalam mentadbir hal-hal berkaitan dengan estet simati, dan memohon antara lain perintah mendapatkan penyiasatan odit terhadap akaun-akaun estet simati tersebut. Defendan-defendan selanjutnya telah memohon perintah untuk mengenepikan pengisuan dan penyerahan writ dan notis kerana tidak mematuhi A. 6 k. 6 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Penolong kanan pendaftar menolak permohonan tersebut mengakibatkan defendan-defendan memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar ('kandungan 27') dan juga memohon penggantungan semua prosiding di dalam kes ini sementara menunggu kandungan 27 diputuskan. Penolong kanan pendaftar telah membenarkan permohonan untuk penggantungan prosiding tersebut mangakibatkan plaintif memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar ('kandungan 32').

Diputuskan:

[1] Kegagalan plaintif untuk mematuhi A. 6 k. 6(1) KMT – yang memperuntukkan (dalam bahasa Inggeris) seperti berikut "No writ, notice of which is to be served out of jurisdiction, shall be issued without leave of the court" – oleh plaintif tidak boleh diperbaiki kerana ianya adalah merupakan kemungkiran asasi (fundamental breach) yang berkait dengan persoalan bidangkuasa (jurisdiction). Berdasarkan kepada kes *Seasiana Sdn Bhd v. Saab Scania AB & Anor*, tindakan plaintif yang telah memohon terus menurut A. 11 k. 4 KMT tanpa mengambil langkah seperti yang dikehendaki oleh A. 6 k. 6 KMT dan Arahan Amalan No. 2 Tahun 1982 adalah merupakan satu kesilapan yang fatal. (ms 240 g & 241 f-g)

[2] Berdasarkan kepada semua fakta di dalam kes ini dan fakta bahawa simati semasa meninggal dunia tidak berdomisil di Malaysia dan hampir 90% harta pusaka tidak terletak di Malaysia, maka tuntutan plaintif di sini juga tidak termasuk di dalam skop peruntukan A. 11 k. 1(1)(d) dan (e) KMT. (ms 242 c)

[3] Oleh kerana permohonan defendan-defendan untuk menggantungkan kesuluruhan prosiding ini sementara kandungan 27 diselesaikan telah dibenarkan, maka kesan keputusan untuk membenarkan kandungan 27 telah secara langsung menjadikan kandungan 32 akademik. (ms 242 d-e)

[Kandungan 27 dibenarkan; kandungan 32 ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:

Megat Najmuddin Dato' Seri (D) Megat Khas v. BBMB [2002] 1 CLJ 645 FC ***(dirujuk)***

Seasiana Sdn Bhd v. Saab Scania AB & Anor [1986] 1 MLJ 430 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 1A, O. 2 r. 3, O. 6 r. 6(1), O. 11 rr. 1(1)(d), (e), 4

Bagi pihak plaintif - S Parameswari; T/n Tay, Tee & Nasir

Bagi pihak defendan-defendan - Cecil Abraham (Bhaskaran & Soosay); T/n Shearn Delamore & Co

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Yaacob Ismail H:

Rayuan ini difailkan oleh plaintif yang telah tidak berpuashati terhadap keseluruhan keputusan yang telah diberikan oleh mahkamah ini pada 18 April 2003 yang telah memutuskan notis rayuan kepada hakim dalam kamar (kandungan 27) defendan-defendan terhadap keputusan penolong kanan pendaftar dibenarkan dengan kos manakala notis rayuan plaintif kepada hakim dalam kamar (kandungan 32) terhadap keputusan penolong kanan pendaftar ditolak tanpa perintah mengenai kos.

Fakta Kes Dan Latarbelakang Rayuan

Defendan-defendan adalah merupakan wasi dan pemegang amanah kepada estet simati yang dinamakan di atas. Kedua-dua defendan menetap di luar bidang kuasa mahkamah iaitu di Singapura. Plaintif pula adalah merupakan salah seorang waris kepada estet simati yang dinamakan di atas.

Plaintif tidak berpuashati dengan tindakan defendan-defendan di dalam mentadbir hal-hal berkaitan dengan estet simati. Oleh itu, melalui tindakan saman pemula yang difailkan di sini, plaintif memohon antara lain perintah mendapatkan penyiasatan odit dibuat terhadap akaun-akaun estet simati tersebut.

Defendan-defendan selanjutnya melalui (kandungan 11) telah mendapat kebenaran untuk memasukkan kehadiran bersyarat dan seterusnya telah memfailkan saman dalam kamar (kandungan 15) yang antara lain memohon perintah untuk mengenepikan pengisuan dan penyerahan writ, untuk mengenepikan pengisuan dan penyerahan notis dan secara alternatifnya menangguhkan kesemua prosiding kes ini.

Pada 8 Januari 2003, penolong kanan pendaftar setelah mendengar (kandungan 15), memutuskan permohonan defendan-defendan ditolak dengan kos. Defendan-defendan tidak berpuashati dengan keputusan penolong kanan pendaftar lalu memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar (kandungan 27).

Pada 9 Januari 2003, defendan-defendan selanjutnya telah memfailkan saman dalam kamar (kandungan 25) antara lain memohon penggantungan semua prosiding di dalam kes ini sementara menunggu rayuan (kandungan 27) diputuskan.

(Kandungan 25) ini didengar oleh penolong kanan pendaftar dan pada 21 Januari 2003, penolong kanan pendaftar telah membenarkan permohonan defendan-defendan untuk penggantungan prosiding tersebut. Plaintif tidak berpuashati dengan keputusan penolong kanan pendaftar tersebut lalu memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar (kandungan 32).

Keputusan Mahkamah

Pada 18 April 2003 kedua-dua notis rayuan kepada hakim dalam kamar (kandungan 27) dan (kandungan 32) telah didengar. Setelah meneliti kertas kausa relevan serta hujahan bertulis kedua-dua pihak, makamah memutuskan rayuan defendan-defendan (kandungan 27) dibenarkan dengan kos manakala rayuan plaintif (kandungan 32) pula ditolak tanpa perintah mengenai kos.

Plaintif kini merayu terhadap keseluruhan keputusan mahkamah ini ke Mahkamah Rayuan.

Alasan-alasan

Meneliti kepada rayuan plaintif (kandungan 27), saman dalam kamar defendan-defendan (kandungan 15) serta kertas kausa relevan yang telah difailkan oleh kedua-dua pihak dan setelah menimbangkan hujahan-hujahan yang telah dikemukakan oleh kedua-dua peguamcara, mahkamah mendapati isu-isu substantif yang perlu diputuskan adalah seperti berikut:

Samada plaintif telah gagal mendapatkan kebenaran untuk mengisukan writ di mana notis untuk menyerahkannya di luar bidang kuasa diperlukan.

Aturan 6 k. 6(1) KKMT 1980 memperuntukkan (dalam Bahasa Inggeris) seperti berikut “No writ notice of which is to be served out of the jurisdiction shall be issued without the leave of the court”.

Di dalam kes *Seasiana Sdn Bhd v. Saab Scania AB & Anor* [1986] 1 MLJ 430 di mana isu yang terbabit adalah sama dengan isu di dalam kes ini yang melibatkan permohonan oleh defendan-defendan untuk perintah mengenepikan writ atas alasan ketidakpatuhan A. 6 k. 6 KKMT 1980. Zakaria Yatim J pada masa itu telah memutuskan “it was clear that under O. 6 r. 6, no writ, notice of which is to be served out of jurisdiction, should be issued without leave of the court. Order 11 also provided that the service

of the notice of a writ out of jurisdiction was only allowed with the leave of the court. The Practice Direction clearly provided the procedure for asking the leave of the court for the issue of writ for service out of jurisdiction. In the present case, the plaintiff had failed to comply with O. 6 r. 6 and Practice Direction No. 2 of 1982".

Di dalam kes ini, defendan-defendan mendakwa bahawa plaintif telah gagal mendapatkan kebenaran mahkamah untuk mengisukan writ, notis di mana untuk diserahkan di luar bidangkuasa. Oleh itu pengisuan notis dan writ oleh plaintif wajar diketepikan.

Plaintif mendakwa bahawa ketidakpatuhan plaintif terhadap A. 6 k. 6 hanyalah suatu yang di luar aturan dan boleh diperbaiki oleh mahkamah. Plaintif berhujah bahawa bila mana ketidakadilan dan prejudis tidak dialami oleh satu pihak lagi, maka mahkamah tidak sewajarnya membatalkan kes tersebut hanya semata-mata atas luar aturan (irregularity) itu. Plaintif menyokong hujahan beliau dengan merujuk kepada A. 2 k. 3 dan A. 1A serta kes *Megat Najmuddin b. Dato' Seri (D) Megat Khas v. BBMB* [2002] 1 CLJ 645, keputusan Mahkamah Persekutuan.

Bagaimanapun, mahkamah menerima hujahan defendan-defendan bahawa A. 6 k. 6(1) adalah merupakan peruntukan mandatori yang mesti dipatuhi. Kegagalan plaintif di dalam mematuhi prosedur yang ditetapkan kaedah ini adalah suatu kegagalan yang serius dan bukan merupakan hanya satu luar aturan (mere irregularity).

Kegagalan mematuhi A. 6 k. 6 KKMT 1980 oleh plaintif tidak boleh diperbaiki kerana ianya adalah merupakan kemungkiran asasi (fundamental breach) yang berkait dengan persoalan bidangkuasa (jurisdiction).

Berdasarkan kepada kes *Seasiana Sdn Bhd v. Saab Scania* yang telah dinyatakan di atas, mahkamah juga memutuskan tindakan plaintif yang telah memohon terus menurut A. 11 k. 4 tanpa mengambil langkah seperti yang dikehendaki oleh A. 6 k. 6 dan Arahan Amalan No. 2 tahun 1982 adalah merupakan satu kesilapan yang fatal.

Samada Malaysia adalah forum yang sesuai dan samada tuntutan plaintif di sini termasuk di dalam A. 11 k. 1(1)(d) dan (e) KKMT 1980

Dari fakta-fakta dalam kes ini mahkamah berpendapat bahawa defendan-defendan adalah merupakan penduduk tetap Singapura. Estet simati telah ditadbir di Singapura selama lebih 21 tahun dan hampir lebih dari separuh aset simati terletak di Singapura dan selebihnya di Hong Kong dan hanya sebahagian kecil iaitu 10.25% terletak di Malaysia. Majoriti waris kepada harta simati tinggal di Singapura. Simati juga tidak berdomisil di Malaysia pada masa beliau meninggal dunia.

Oleh itu penyiasatan odit yang dipohon oleh plaintif di dalam kes ini adalah sesuai dan mudah diputuskan oleh mahkamah di Singapura.

Berdasarkan kepada semua fakta yang dinyatakan di atas dan fakta bahawa simati semasa meninggal dunia tidak berdomisil di Malaysia dan hampir 90% harta pusaka simati tidak terletak di Malaysia, maka tuntutan plaintif di sini juga tidak termasuk di dalam skop peruntukan A. 11 k. 1(1)(d) dan (e) KKMT 1980.

Rayuan Plaintif (Kandungan 32)

Berkaitan dengan rayuan plaintif (kandungan 32) terhadap keputusan penolong kanan pendaftar, mahkamah berpendapat oleh kerana penolong kanan pendaftar telah membenarkan permohonan defendan-defendan untuk menggantungkan keseluruhan prosiding ini sementara rayuan (kandungan 27) diselesaikan, maka dengan keputusan mahkamah membenarkan rayuan defendan-defendan (kandungan 27) dengan kos, secara otomatiknya rayuan (kandungan 32) ini telah diselesaikan. Kesan keputusan tersebut telah secara langsung menjadikan rayuan plaintif melalui (kandungan 32) akademik.

Atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah telah membenarkan rayuan defendan-defendan (kandungan 27) dengan kos dan menolak rayuan plaintif (kandungan 32).